



MAJLIS DAERAH ROMPIN

DOKUMEN SEBUT HARGA

- TAJUK** : Perkhidmatan Pelan Perlindungan Insuran Berkelompok Pegawai Dan Kakitangan Majlis Daerah Rompin bagi Tempoh **01 November 2019 Sehingga 01 November 2020. [12 Bulan]**
- i) Pelan Skim Perlindungan Insuran Nyawa Berkelompok
[Group Term Life Insurance – GTL]
 - ii) Pelan Skim Perlindungan Insuran Kemasukan ke Hospital Dan Pembedahan
[Group Hospitalization and Surgical – GHS]
 - iii) Pelan Skim Perlindungan Kemalangan Diri Berkelompok
[Group Personal Accident – GPA]
- NO SEBUT HARGA** : MDR/KEW/SH/01/2019
- TARIKH TAWARAN DI IKLAN** : 03 Oktober 2019
- TARIKH TAWARAN DITUTUP** : 15 Oktober 2019
- STATUS & KOD BIDANG** : Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Kod Bidang 221801 (Syarikat Insuran)
221802 - (Broker Insuran)

KENYATAAN SEBUTHARGA

A. ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. Kenyataan Tawaran

- 1.1 Tawaran ini dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berikut

Kod Bidang	Keterangan
221801 (Syarikat Insuran)	Insuran
221802 - (Broker Insuran)	Insuran

- 1.2 Penyebut harga mestilah eP enabled dan hendaklah memastikan tempoh pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan Malaysia sentiasa sah

2. Tarikh Tutup

- 2.1 Tarikh tutup tawaran sebut harga ialah **15 Oktober 2019 (Selasa) pada jam 12.00 tengah hari**
- 2.2 Tawaran yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**

3. Dokumen Sebut Harga

- 3.1 Penyebut Harga boleh mendapatkan dokumen Sebut Harga di Jabatan Perbendaharaan, Majlis Daerah Rompin, 26800 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur pada hari dan waktu bekerja atau memuat turun daripada portal Majlis Daerah Rompin [<http://www.mdrompin.gov.my/ms>]

4. Penyerahan Dokumen Tawaran Sebutharga

- 4.1 Penyebut harga hendaklah menyerahkan dokumen berikut yang telah dilengkapkan (dengan dakwat) sebagaimana tarikh tutup ditetapkan

Bil	Rujukan	Dokumen
i.	Lampiran Q	(Arahan Perbendaharaan 170) – Borang Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani
ii.	Lampiran 1	Senarai Lampiran 1
iii.	Lampiran 2	Surat Akuan Pembida
iv.	Lampiran 3	Surat Perwakilan Kuasa
v.		Sesalinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia
vi.		Sesalinan Perakuan Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
vii.		Salinan Penyata Bank untuk 3 bulan terakhir
viii.		Sesalinan Surat Permohonan Keputusan Pendaftaran Di Bawah Seksyen 21 Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia

- 4.2 Dokumen yang lengkap seperti Para 4.1 boleh diserahkan dengan kaedah seperti berikut :

- i) Secara serahan tangan/pos di alamat

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH ROMPIN
KOMPLEKS IBU PEJABAT MAJLIS DAERAH ROMPIN
26800 KUALA ROMPIN
PAHANG DARUL MAKMUR
[u.p : Urusetia Sebutharga Jabatan Perbendaharaan]**

- ii) Tawaran sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta di tandakan sebelah kiri sampul surat **“No Rujukan Sebut Harga “MDR/KEW/SH/01/2019”** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut di **Jabatan Perbendaharaan, Majlis Daerah Rompin, 26800 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur.**
- iii) Ketidakpatuh kepada keperluan ini akan menyebabkan Dokumen Tawaran Sebut Harga **TIDAK LAYAN DIPERTIMBANGKAN.**

LAMPIRAN Q
[ARAHAN PERBENDAHARAAN 170]

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

NO. Sebut Harga:
MDR/KEW/SH/01/2019

(Kew.284-Pin.5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI PAHANG

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/ PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan di baca dan di taksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga

Kepada (Nama Syarikat) :..... No. Telefon : No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :..... Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini 221801 /221802	Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/ Jabatan (Alamat Lengkap) Majlis Daerah Rompin Kompleks Ibu Pejabat Majlis Daerah Rompin 26800 Kuala Rompin Pahang Darul Makmur No. Telefon : 09-4146677 Tarikh : 03 Oktober 2019
---	---

Sila beri Sebutharga untuk bekalan / perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan :

- i. Syarat penyerahan / penyempurnaan **Rujuk Syarat-Syarat Am**
- ii. Tarikh penyerahan / penyempurnaan dikehendaki **berdasarkan tempoh serahan yang ditetapkan dalam Pesanan Kerajaan**
- iii. Sebut harga hendaklah dikemukakan dengan bertanda nombor sebut harga **MDR/KEW/SH/01/2019**
- iv. Sebut Harga hendaklah di hantar tidak lewat pada **jam 12.00 tengah hari 15 Oktober 2019 (Selasa)**
- v. Secara **serahan tangan/pos ke alamat di atas [u.p : Urusetia Sebutharga]**
- vi. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **60 hari** selepas tarikh tutup

Tarikh : **03 OCT 2019**
.....

Tandatangan :
Nama Pegawai : **MOHD FARID BIN ABDUL MANAP**
Jawatan : **SETIAUSAHA**
MAJLIS DAERAH ROMPIN

Bil.	Perihal bekal/perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Kadar (RM) Perlindungan	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian / Jabatan		Untuk diisi oleh Penyebutharga	
1	<p>Perkhidmatan Pelan Perlindungan Insuran Berkelompok Pegawai Dan Kakitangan Majlis Daerah Rompin bagi Tempoh 01 November 2019 Sehingga 01 November 2020. [12 Bulan]</p> <p>i) Pelan Skim Perlindungan Insuran Nyawa Berkelompok [Group Term Life Insurance – GTL] - untuk 109 kakitangan seperti yang dilampirkan di LAMPIRAN 1 - Nilai pampasan perlindungan adalah sebanyak RM 50,000.00 - Lain-lain perkhidmatan yang dicadangkan.</p>		
2	<p>ii) Pelan Skim Perlindungan Insuran Kemasukan ke Hospital Dan Pembedahan [Group Hospitalization and Surgical – GHS] - Had tahunan rawatan RM 50,000.00 /Orang - Elaun Hospital RM 100.00 Sehari - Kelayakan bilik RM 200.00 - Lain-lain perkhidmatan yang dicadangkan.</p>		
3	<p>iii) Pelan Skim Perlindungan Kemalangan Diri Berkelompok [Group Personal Accident – GPA] - Pampasan perlindungan seorang RM 50,000.00 - Lain-lain perkhidmatan yang dicadangkan.</p>		
<p>Tarikh penyerahan/ penyempurnaan ditawarkan : hari <i>[sila nyatakan tempoh]</i></p> <p>* Sila sertakan salinan surat pendaftaran syarikat tuan dari Kementerian Kewangan Malaysia/ Pusat Khidmat Kontraktor serta salinan sijil status Bumiputra (jika ada)</p>			
		JUMLAH	
		SST %	
JUMLAH KESELURUHAN			

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/ penyempurnaan ialah :*[sila nyatakan tempoh]*

Saya/ Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan dibelakang ini.

Tandatangan	:	Alamat Syarikat :
Penyebut Harga	:	
		
Nama dan K.P	:	Tarikh :
		

Mustahak – Lihat Syarat-Syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

PERMOHONAN SEBAGAI PANEL SYARIKAT INSURANS / BROKER INSURANS / BROKER TAKAFUL MAJLIS DAERAH ROMPIN BAGI URUSAN KONTRAK UNTUK TEMPOH 1 TAHUN (01 NOVEMBER 2019 HINGGA 01 NOVEMBER 2020)

1. Permohonan adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat Insurans / Broker Insurans / Broker Takaful bertaraf BUMIPUTERA sahaja yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia Kod 221801, 221802 dan mempunyai Lesen Bank Negara Malaysia (Broker Insurans / Broker Takaful) untuk lantikan sebagai Syarikat Insurans / Broker Insurans / Broker Takaful **MAJLIS DAERAH ROMPIN** untuk tempoh **1 tahun (01 November 2019 Hingga 01 November 2020)** bagi urusan Kontrak.
2. Keseluruhan kerja-kerja yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran yang ditunjukkan di atas Meja Tender (kemudian daripada ini disebut "Dokumen Meja Tender") akan diberi secara kontrak.
3.
 - a) Tiap-tiap Petender mestilah menyerahkan dalam suatu sampul surat bertutup dan bermeteri yang dialamatkan sebagaimana ditetapkan dalam Notis Tender suatu tender yang sah dalam Borang Tender yang diperuntukkan dan ditandatangani dengan sempurna. Borang Tender yang tidak lengkap atau tidak bertandatangan akan ditolak.
 - b) Setiap Petender mestilah mencatatkan dalam ruang yang diperuntukkan dalam Borang Tender, masa yang akan dikehendakinya (jika perlu) bagi menyiapkan kerja-kerja itu.
 - c) Petender hendaklah di mana saja dikehendaki dalam Dokumen Tawaran, mengosongkan ruangan harga, dan mengisikan ruangan tandatangan dengan sempurna oleh petender.
4. Jika mana-mana Petender:-
 - a) Menarik balik tawarannya sebelum tamat Tempoh Sah Tender atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
 - b) Mengenakan had, syarat atau janji tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tawaran (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik tawaran ini), atau

- c) Jika sekiranya tawaran telah disetujuterima, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan atau tidak meneruskan kerja-kerja; maka, dalam mana-mana hal itu, YANG DIPERTUA hendaklah tanpa menyentuh apa apa hak lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran petender sebagai kontraktor YANG DIPERTUA sebagaimana difikirkan perlu oleh YANG DIPERTUA.
5. a) Tawaran dan dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam Klausa 3 di atas, mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Tender bagi penyerahan tawaran.
- b) Jika sesuatu tawaran tidak diserahkan dengan tangan, Petender mestilah menguruskan bagi tawarannya dan dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.
- c) Mana-mana tawaran yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- d) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh Petender bagi menyediakan tawarannya boleh dibayar kepadanya.
6. Jika sekiranya atas permintaannya, seseorang Petender diberikan salinan-salinan sesuatu Dokumen Tawaran, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk meneliti salinan-salinan itu dan memuaskan hatinya bahawa salinan-salinan itu adalah sebenarnya salinan-salinan dokumen yang termasuk dalam Dokumen Meja Tender. Jika sekiranya terdapat apa-apa perbezaan atau percanggahan antara mana-mana salinan yang diberi kepada Petender dengan salinan dalam Dokumen Meja Tender atau antara mana-mana dokumen yang termasuk di dalamnya, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk memohon secara bertulis kepada Pengarah Jabatan Pelaksana supaya dibetulkan perbezaan atau percanggahan itu tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Notis Tender bagi penyerahan tawaran. Apa-apa jawapan yang hendak dibuat oleh Pengarah Jabatan Pelaksana atas permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara Addendum yang hendaklah dihantar kepada semua petender. **Addendum** itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Tawaran dan Tawaran yang diterima akan disifatkan sebagai berdasarkan pada huraian, ubahsuaian atau perluasan kepada dokumen asal yang mengandungnya.

7. Tawaran hendaklah terus sah selama tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir bagi penyerahan tawaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Tender (dalam Syarat-Syarat Membuat Tender ini disebut “Tempoh Sah Tender”) dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.
8. YANG DIPERTUA tidak boleh terikat menyetujui tawaran yang rendah sekali atau mana-mana tawaran dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu tawaran serta berhak untuk melantik lebih dari satu pretender untuk melaksanakan kerja ini.
9. Petender yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang tawarannya dengan surat (disebut “**Surat Setujuterima Tender**”) dalam Tempoh Sah Tender atau apa-apa tempoh lanjutan.
10. Semua jadual butir-butir yang dilampirkan kepada Dokumen Tawaran hendaklah diisi dan diserahkan oleh Petender berserta dengan tawarannya.
11. Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada Petender bolehlah diposkan ke alamatnya yang dinyatakan dalam tawaran itu dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis itu.
12. Perkataan-perkataan “Petender yang berjaya” hendaklah bererti bahawa pretender yang mana tawarannya telah diluluskan dan disetujuterima oleh YANG DIPERTUA.
13. Perkataan “Petender” dalam syarat-syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.
14. Jika Petender tidak mematuhi syarat-syarat tersebut diatas mengenai apa-apa jua hal, maka tawarannya boleh ditolak.
15. Peringatan mengenai kesalahan **RASUAH** dalam perolehan Kerajaan :-
 - a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan kepada atau daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1987.
 - b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1987.

16. Syarat-syarat tawaran ini, setakat mana syarat-syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan Kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kontrak ini.
17. Pelaksanaan Kenaan Cukai Barang Dan perkhidmatan (GST) adalah seperti berikut :-
 - a) Semua tawaran harga (pembelian terus, lantikan terus, sebutharga dan tender) oleh petender hendaklah dikemukakan TANPA KENAAN GST.
 - b) Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran GST.
 - c) Sekiranya petender yang berjaya adalah berdaftar GST dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), Datuk Bandar melalui Bahagian Pengurusan Perolehan, Jabatan Pentadbiran akan mengeluarkan Surat Setujuterima Tender (SST) kepada petender dengan tawaran harga termasuk kenaan GST.
 - d) Bagi petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta GST, namun akan menjadi petender yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka petender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Bahagian Pengurusan Perolehan, Jabatan Pentadbiran atau Jabatan Pelaksana berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta GST. Petender hendaklah membuat permohonan untuk pelarasan bagi kenaan GST. Pelarasan harga kenaan GST hendaklah dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa.

SURAT AKUAN PEMBIDA

**Sebutharga : PERKHIDMATAN PELAN PERLINDUNGAN INSURAN BERKELOMPOK PEGAWAI
DAN KAKITANGAN MAJLIS DAERAH ROMPIN BAGI TEMPOH 01 NOVEMBER
2019 HINGGA 01 NOVEMBER 2020] [12 BULAN]**

Bil Sebutharga : MDR/KEW/SH/01/2019

Saya/Kami.....Nombor.K.P..... yang mewakili **(Nama Syarikat)** nombor Pendaftaran**(MOF/SSM/PKK/CIDB/ROS/ROB)** dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Daerah Rompin** atau mana-mana individu lain,sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender/sebutharga *seperti di atas.Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharaan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Daerah Rompin** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga *seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :-

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga *di atas ;atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebutharga *di atas ; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/ sebutharga *seperti di atas,maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :
No.K/P :
Cop Syarikat :

Catatan : i) * Potong mana yang tidak berkenaa

ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SURAT PERWAKILAN KUASA

Yang Dipertua
Majlis Daerah Rompin
Kompleks Ibu Pejabat Majlis Daerah Rompin
26800 Kuala Rompin
Pahang Darul Makmur

Tarikh :.....

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan saya No. Kad Pengenalan :
..... selaku pemilik syarikat
.....akan menandatangani sendiri dokumen berkaitan
dengan urusan perolehan Sebut harga bagi **Perkhidmatan Pelan Perlindungan Insuran
Kelompok Pegawai Dan kakitangan Majlis Daerah Rompin** bagi tempoh **01 November 2019
Sehingga 01 November 2020** kepada Majlis Daerah Rompin, Kompleks Ibu Pejabat Majlis
Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur atau mewakilkan kuasa untuk menandatangani bagi
pihak Syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu :

- Nama** :
- Alamat** :
- Jawatan** :
- No. Kad Pengenalan** :
- No Telefon** :
- No Faks** :
- Emel** :

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk makluman/rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak tuan sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....

[NAMA PEMILIK SYARIKAT]

Jawatan :

Cop Syarikat :

** potong yang mana tidak berkenaan*